

Saliran lemah dipercayai punca banjir kilat

KUALA LUMPUR: Kegagalan pihak berkuasa tempatan (PBT) menguatkuasakan sepenuhnya Manual Saliran Mesra Alam (Masma) yang diluluskan Kabinet pada 2001 dikesan menjadi antara faktor berlakunya banjir kilat yang berulang, terutama di kawasan bandar.

Pengarah Bahagian Tebatan Banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Abdul Rahim Kaparawi, berkata kajian JPS sekitar Lembah Klang mendapati separuh daripada 20 projek pembangunan gagal menyediakan kolam takungan mengikut spesifikasi ditetapkan Masma.

Beliau berkata, hasil kajian JPS itu juga mendapati kebanyakan projek pembangunan tidak memperuntukkan tiga peratus daripada keluasan tapak binaan untuk kemudahan berkenaan bagi mengawal air daripada punca.

“Hasil kajian itu menggambarkan keadaan di seluruh negara kerana penguatkuasaan Masma tidak dilaksanakan sepenuhnya di peringkat PBT yang bertanggungjawab menguruskan kolam takungan di kawasan pentadbiran mereka.

“Setidak-tidaknya penguatkuasaan Masma boleh mengelak peningkatan kos pembiayaan projek tebatan banjir jangka pendek yang mencecah sehingga RM500 juta bagi setiap lembangan sungai,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Masma antara lain menggariskan bagaimana penduduk dan PBT dapat menolong mengawal laluan air hujan bagi mengelak banjir kilat serta mengawal mutu air saliran bandar yang mengalir ke sungai.

Manual itu juga menekankan konsep kawalan banjir dan pencemaran air pada punca serta menyediakan pendekatan supaya masalah kawalan aliran air di kawasan yang dibangunkan tidak menjejaskan kawasan berhampiran.

Sebelum ini, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid memaklumkan Masma akan dinaik taraf menjadi undang-undang bagi memastikan semua pihak terutama pemaju mematuhi peraturan tebatan banjir kilat.

Abdul Rahim berkata, setiap tapak binaan sepatutnya dilengkapi dengan sistem saliran yang berkesan, terutama pengurusan kolam takungan daripada segi kawalan air masuk dan keluar, selain memasang perangkap sampah untuk menyekat buangan dan kelodak.

“Berdasarkan hasil kajian JPS, pemaju tapak binaan yang dikenal pasti itu akan dirujuk kepada PBT bertanggungjawab untuk tindakan lanjut mengikut Undang-Undang Kecil Parit dan Jalan, dan seharusnya perkara ini diberi perhatian serius semua pihak,” katanya.

Beliau berkata, kejadian banjir kilat boleh ditangani dengan berkesan jika perancangan bersepadu dilaksanakan, membabitkan perancangan, penguatkuasaan, pencegahan, kesedaran umum dan perundangan.

Selain itu, katanya, JPS dalam proses merangka kertas cadangan untuk mewujudkan undang-undang

24 Januari 2008

berkaitan sungai, dari segi tanggungjawab menjaga sungai termasuk aspek kebersihan.

“Kita dapati ada pihak yang memasang kabel atau tiang telekomunikasi tanpa mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tidak mengambil kira kesannya kepada sungai dalam jangka panjang,” katanya.

Katanya, ketika ini, JPS hanya berfungsi sebagai penasihat teknikal dan tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang gagal mematuhi saranan yang ditetapkan untuk memelihara sungai.

Hak Cipta Terpelihara 2007 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.